

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menangani masalah kesesakan di wad pesakit dan kesesakan tempat letak kereta di Hospital Umum Sarawak yang begitu meruncing kerana kawasan tersebut adalah terlalu kecil untuk menampung bilangan penduduk Sarawak yang semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesesakan di wad pesakit di Hospital Umum Sarawak berlaku kerana peningkatan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan setiap tahun. Pada tahun 2013 sahaja, jumlah kemasukan ke wad pesakit adalah seramai 54,266 orang dengan kadar penggunaan katil sebanyak 82.99% berbanding bilangan katil rasmi hospital yang berjumlah 959 katil.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak Hospital Umum Sarawak khususnya telah mengambil langkah-langkah segera bagi mengurangkan masalah kesesakan di wad pesakit seperti berikut:

1. Melantik Pengurus Katil (*Bed Managers*) dari kalangan jururawat bagi menyelaraskan penggunaan katil di setiap wad;
2. Memperkenalkan sistem wad terbuka (*open ward system*) di mana pesakit diberikan katil di mana sahaja terdapat katil kosong tanpa mengira wad yang berkenaan; dan
3. Memindahkan perkhidmatan rawatan jantung ke Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan bermula 01 Januari 2011.

Selain daripada itu, KKM melalui Rancangan Pembangunan Semula Hospital Umum Sarawak telah meluluskan pembinaan tiga (3) buah projek seperti berikut;

1. Membina Bangunan Tambahan *Accute Psychiatric Ward and Daycare*, Hospital Umum Sarawak (HUS);
2. Pakej Ubahsuai Bangunan Sedia ada Hospital Umum Sarawak (Refurbishment North/Sourth Extantion To Clinical Service Block)-Refurbishment Work 3 (RW3) dan Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HUS; dan
3. Pembinaan *Brain Suite*, HUS (Peringkat perolehan).

Di samping itu, pesakit yang telah stabil juga akan dihantar ke wad di hospital yang berdekatan seperti Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS), Hospital *Royal Charles Brook Memorial* dan Hospital Bau.

Bagi menangani masalah ini, dalam Rancangan Malaysia Ke-10, sebuah hospital baru di Bandaraya Kuching iaitu Hospital Petra Jaya sedang dalam pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, bilangan staf yang berkhidmat di Hospital Umum Sarawak adalah seramai 4,213 orang. Bilangan petak tempat letak kereta sedia ada pula adalah berjumlah 1,029 petak. Pada waktu pejabat, dianggarkan seramai 2,000 orang staf hospital, 900 orang pesakit dalam, 1,000 orang pesakit luar dan 500 orang pelawat berada di kawasan hospital dengan jumlah kereta sebanyak 2,500 buah kereta pada satu-satu masa.

Bagi mengurangkan masalah kesesakan tempat letak kereta ini, langkah-langkah berikut telah diambil:

1. Perubahan dalam jadual waktu bekerja secara syif bagi mengurangkan kesesakan pada waktu puncak. Pertukaran syif dibuat semasa bukan waktu puncak;
2. Sistem aliran trafik di hospital ditambah baik dengan menukar jalan dua hala kepada jalan sehalu di lokasi-lokasi tertentu bagi membolehkan kereta diletakkan di bahu jalan; dan

3. Memperkenalkan sistem mengunci tayar (*clamping system*) bagi kereta yang diletak di tempat-tempat larangan.

KKM melalui Rancangan Pembangunan Semula Hospital Umum Sarawak telah meluluskan projek pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*).

Cadangan pembinaan ini akan melibatkan pembinaan dua blok tempat letak kereta yang mana satu blok akan dikhaskan untuk tempat letak kereta staf dan satu lagi blok dikhaskan untuk kegunaan pelawat dan pesakit dengan jumlah 1,600 petak tempat letak kereta di kedua-dua blok.

Cadangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat ini sedang dalam peringkat terakhir perancangan rekabentuk. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan April 2015.